

EDISI:
APRIL-JUN 2025



JABATAN PERDANA MENENTERI
JABATAN (INSOLVENS) MALAYSIA

E-BULETIN

INSOLVENS

SEKALUNG TAHNIAH!

YBhg. Dato' Ishak bin Bakri
dilantik sebagai
Ketua Pengarah Insolvensi
Malaysia yang baharu

MAJLIS PELUNCURAN

Program Perdana Literasi
Kewangan Peringkat IPTA
/ IPTS



- 1** Pelantikan Ketua Pengarah Insolvensi yang baharu
- 2** Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Insolvensi Malaysia
- 3** Majlis Peluncuran Program Perdana Literasi Kewangan Peringkat IPTA / IPTS
- 4** Lawatan Rasmi Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) ke Mdl Cawangan Tawau



Sesi Clock in Ketua Pengarah Insolvensi baharu



9 Jun 2025 | Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdi) berbesar hati menyambut kehadiran YBhg.Dato' Ishak bin Bakri yang memulakan tugas rasmi beliau sebagai Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia yang baharu dalam satu majlis ringkas di Ibu Pejabat, Putrajaya.

Majlis turut diserikan dengan sesi pengenalan bersama barisan Pengurusan Tertinggi, Pengarah-Pengarah Bahagian serta Pegawai Pengurusan & Profesional diikuti dengan penyampaian amanat sulung beliau selaku Ketua Pengarah Insolvensi.



Seluruh warga Mdl merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada YBhg. Dato' atas pelantikan ini dan menzahirkan komitmen padu dalam menyokong kepimpinan beliau ke arah memperkasa sistem insolvensi negara.

Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl)



10 April 2025, Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) telah berlangsung dalam suasana penuh penghargaan dan rasa hormat, khususnya bersempena persaraan rasmi (clock out) YBhg. Datuk M. Bakri Abd Majid sebagai Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia.

Acara diserikan dengan ucapan penuh inspirasi daripada Pengurusan Tertinggi, tayangan montaj kenangan, serta penyampaian cenderamata sebagai tanda penghargaan atas segala jasa, bakti dan kepimpinan cemerlang YBhg. Datuk sepanjang menerajui Jabatan Insolvensi Malaysia.



Sesi simbolik Clock Out Persaraan mantan Ketua Pengarah Insolvensi, YBhg. Datuk M. Bakri Abd Majid

Majlis Peluncuran Program Perdana Literasi Kewangan Peringkat IPTA / IPTS

23 Jun 2025 (Isnin) | Majlis Peluncuran Program Perdana Literasi Kewangan Peringkat IPTA/IPTS telah berlangsung dengan jayanya di UiTM Shah Alam, dan telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi).

Dalam ucapan perasmian, YB Dato' Sri Azalina menekankan bahawa program ini adalah inisiatif proaktif kerajaan MADANI dalam memperkasa tahap literasi kewangan belia, khususnya pelajar institusi pengajian tinggi yang bakal melangkah ke alam pekerjaan. Literasi kewangan yang kukuh mampu menjadi benteng awal mengelakkan belia daripada terjerumus dalam masalah hutang dan kebangkrutan.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdi) selaku penganjur utama, serta rakan kerjasama strategik iaitu UKM, UPM dan pihak pengurusan UiTM Shah Alam atas sokongan padu dalam menjayakan program ini.



Lawatan Rasmi YB Tuan M. Kula Segaran, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) ke Mdl Cawangan Tawau

9 Mei 2025 | YB Tuan M. Kula Segaran, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) telah mengadakan lawatan kerja rasmi buat julung kalinya ke Jabatan Insolvensi Malaysia, Cawangan Tawau, Sabah.



Lawatan ini memberi ruang kepada YB Timbalan Menteri menilai pelaksanaan tugas di peringkat cawangan serta memperkukuh hala tuju pentadbiran ke arah penyampaian perkhidmatan insolvensi yang lebih efisien dan mesra rakyat.

Lawatan ini diharapkan dapat meningkatkan semangat warga Mdl Tawau dalam memperkukuh integriti dan mutu perkhidmatan, selari dengan agenda reformasi institusi negara.



KUNJUNGAN HORMAT



14 Mei 2025 (Rabu) | Kunjungan Hormat Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) ke Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NFCC). Delegasi Mdl diketuai oleh Encik Fazril Sani bin Mohamed Fadzil, Pengarah Insolvensi Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan, bersama pegawai-pegawai Mdl.



14 Mei 2025 (Rabu) | Kunjungan Hormat Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) ke Suruhanjaya Sekuriti. Delegasi Mdl diketuai oleh Encik Fazril Sani bin Mohamed Fadzil, Pengarah Insolvensi Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan, bersama pegawai-pegawai Mdl.

KUNJUNGAN HORMAT



Kunjungan Hormat Delegasi Malaysia ke Wakil Tetap Malaysia di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), New York

14 Mei 2025, New York, Amerika Syarikat

Delegasi Malaysia telah mengadakan kunjungan hormat ke atas TYT Dato' Dr. Ahmad Faisal Muhammad, Wakil Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York, sempena penyertaan dalam Mesyuarat Ke-66 United Nations Commission on International Trade Law (UNCITRAL): Working Group V (Insolvency Law) yang berlangsung pada 12 – 16 Mei 2025.



Delegasi ini turut disertai pegawai-pegawai dari Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdi) yang diketuai oleh YBrs. Puan Azwamida binti Affandi, Timbalan Ketua Pengarah Insolvensi, bersama Puan Azniza binti Mohd Ali, Pengarah Bahagian Dasar dan Perundangan, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) serta pegawai daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

KUNJUNGAN HORMAT



25 Jun 2025 (Rabu) | Ketua Pengarah Insolvensi, YBhg. Dato' Ishak bin Bakri telah menerima kunjungan hormat daripada Persatuan Pengamal Insolvensi Malaysia (iPAM) yang diketuai oleh YBrs. Encik Victor Saw Seng Kee (Presiden) dan YBhg. Dato' Raveendra Kumar Nathan (Naib Presiden).

Kunjungan ini turut menyaksikan sesi menandatangani Perjanjian Pelantikan Ejen kepada Pegawai Penerima bagi projek usahasama Mdl-iPAM.

KUNJUNGAN HORMAT



26 Jun 2025 (Khamis) | Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) Putrajaya telah menerima kunjungan hormat daripada wakil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang diketuai oleh YBrs. Tuan Mohamed Sufyan Mohd Mokhtar dan Puan Nor Syairah Sulaiman daripada Bahagian Pendakwaan & Litigasi.

Sesi ini membuka ruang kerjasama dua hala berkaitan pentadbiran kes-kes penggulangan syarikat serta memperkukuh hubungan strategik antara SSM dan Mdl.

RangkumanAktiviti

MdlSelangor

25 Jun 2025 | Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) Negeri Selangor telah mengadakan kunjungan hormat ke Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (LTAKL), disusuli dengan sesi libat urus bagi memperkukuh hubungan strategik antara kedua-dua agensi.

Sesi ini memberi tumpuan kepada:

- Melicinkan proses kerja antara Mdl Selangor dan JKDM;
- Mendapatkan status pembayaran dividen bagi syarikat yang digulungkan dalam senarai tuntutan kastam;
- Membincangkan cadangan penyelesaian terhadap Akaun Belum Terima (ABT) melibatkan penutupan atau hapus kira fail kastam syarikat yang digulungkan.



Melalui sesi libat urus ini, Mdl Selangor dan JKDM bersepakat untuk terus memperkukuh kerjasama dalam memastikan pengurusan kes syarikat yang digulungkan dapat dilaksanakan dengan lebih efisien, telus dan berkesan.

RangkumanAktiviti

MdIKualaLumpur



14 Mei 2025 | Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdi) Kuala Lumpur telah dijemput untuk membuka reruai sempena Konvensyen Komuniti Strata Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2025 bertempat di Hotel Wyndham Grand, Bangsar.

Antara perkhidmatan yang disediakan adalah semakan status kebangkrutan, pertanyaan am dan khidmat nasihat kebangkrutan kepada para pengunjung.

Program ini menjadi platform untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai peranan Mdi dalam pengurusan kes kebangkrutan dan mendapatkan maklumat secara terus daripada pegawai Mdi.

RangkumanAktiviti

Mdl Pulau Pinang

24 April 2025 | Jemputan memberi ceramah sempena Kursus Pengurusan Keberhutangan Serius Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang. Ceramah disampaikan oleh Puan Soria binti Ibrahim, Pegawai Insolvensi Kanan I.



29 April 2025 | Mdl Pulau Pinang telah menerima kunjungan hormat daripada Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang. Perbincangan tertumpu kepada isu keberhutangan serius dalam kalangan guru dan kakitangan pendidikan yang terlibat dengan kes kebangkrutan.



6 Mei 2025 | Jemputan memberi ceramah sempena Bengkel Pengukuhan Pendaftaran: Isu Berkaitan Akta Syarikat Dan Akta Pendaftaran Perniagaan, anjuran Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Utara. Ceramah disampaikan oleh Encik Tamil Pandian a/l Ayavu, Pegawai Insolvensi Kanan II.



26 Jun 2025 | Jemputan memberi taklimat sempena Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang, anjuran Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang. Taklimat disampaikan oleh Puan Soria binti Ibrahim, Pegawai Insolvensi Kanan I.



RangkumanAktiviti

MdiJohorBahru



6 Mei 2025 | Pembukaan reruai sempena Program Bersama Pelanggan Wisma Persekutuan Johor Jalan Ayer Molek anjuran Wisma Persekutuan Johor.



8 Mei 2025 | Pembukaan reruai sempena Program Bersama Pelanggan Bank Negara Johor, anjuran Bank Negara Johor.



14 Mei 2025 | Pembukaan reruai sempena Program Bersama Warga IPD Johor Bahru Utara, anjuran IPD Johor Bahru Utara.

RangkumanAktiviti

MdJohorBahru



JELAJAH KEHAKIMAN JOHOR 2025

21 & 22 Jun 2025 | Pembukaan reruai dan sesi ceramah sempena Program Jelajah Kehakiman Johor 2025 bertempat di Angsana Mall, Johor Bahru.

Turut hadir menyantuni penunjang ialah Puan Sharifah Maleeha binti Syed Hussin, Pengarah Insolvensi Negeri.

Rangkuman Aktiviti

Mdl Cawangan Ipoh



20 Mei 2025 | Sesi perkongsian ilmu- " Simulasi Pentadbiran Aset: Menghadapi Cabaran Likuidasi Secara Praktikal" yang disampaikan oleh Radiant Consulting Sdn Bhd.



24 Mei 2025 | Program Pengurusan Stres bertempat di Dewan Serbaguna SUK Negeri Perak. Ceramah telah disampaikan oleh Dr. Muhamad Khairul Anwar bin Kamaruddin, Pegawai Psikologi, Jabatan Perdana Menteri.



28 Mei 2025 | Kunjungan Hormat Persatuan Pegawai Rendah Polis Diraja (PPRPD) Briged Utara ke Mdl Cawangan Ipoh.

RangkumanAktiviti

MdlCawanganIpoh

Program MADANI Rakyat



Mdl Cawangan Ipoh telah menyertai Program MADANI Rakyat 2025 yang berlangsung pada 13 hingga 15 Jun 2025 di Lumut Waterfront, Perak. Penyertaan Mdl melalui reruai pameran ini mendapat sambutan menggalakkan daripada para pengunjung.

RangkumanAktiviti

MdIKedah



25 Jun 2025 | Jemputan memberi taklimat di Jabatan Kerja Raya (JKR) Cawangan Kejuruteraan Mekanikal, Alor Setar, Kedah. Taklimat bertajuk "Kesedaran Dalam Keberhutangan Serius" telah disampaikan oleh Puan Zuriati binti Seman, Pegawai Insolvensi Kanan II.

15 Jun 2025 | Program Bicara Integriti Jabatan Insolvensi Malaysia 2025 telah dianjurkan melibatkan semua warga kerja MdI Kedah. Ceramah telah disampaikan oleh Ustaz Haji Abdul Mohsin bin Mohamad Fazil, Pegawai daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (JHAEIK).



RangkumanAktiviti

MdlKedah



31 Mei 2025 | Kursus Pengurusan Stres Mdl Kedah telah dianjurkan melibatkan semua warga kerja Mdl Kedah. Ceramah disampaikan oleh Puan Normahdiah binti Jamian, Pegawai Psikologi Kanan daripada Jabatan Perdana Menteri.

Program ini bertujuan memberi pendedahan mengenai cara pengurusan stres yang berkesan, meningkatkan kesejahteraan mental, serta memperkukuh motivasi dan produktiviti warga kerja.



Rangkuman Aktiviti

Mdl Cawangan Muar



23 Jun 2025 | Mdl Cawangan Muar telah dijemput sebagai penceramah dalam Program Pengurusan Kewangan dan Perolehan Kerajaan anjuran RELA Zon Selatan di Taman Negara Gunung Ledang, Tangkak, Johor. Taklimat bertajuk "Kebankrapan dalam Kalangan Penjawat Awam" telah disampaikan oleh Puan Noriza binti Che Hamid, Pegawai Insolvensi Kanan II dengan penglibatan seramai 31 pegawai dan kakitangan RELA Johor.

24 Jun 2025 | Mdl Cawangan Muar telah mengadakan kunjungan hormat ke Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Batu Pahat, Johor.

Kunjungan ini diketuai oleh Puan Intan Idzadia Hidayah binti Ab. Hafidz, Ketua Cawangan bersama Puan Azizah binti Hasan, Ketua Unit Likuidasi dan Puan Syaida Isma binti Rosli, Ketua Unit Akaun.



Sesi ini turut membincangkan cadangan penganjuran program literasi kewangan di peringkat IPTA/IPTS sebagai usaha meningkatkan kesedaran pelajar universiti mengenai pengurusan kewangan dan pencegahan kebangkrutan.



RangkumanAktiviti

MdlCawanganMuar



21 April 2025 | Mdl Cawangan Muar telah melaksanakan serahan Sijil Pelepasan kepada empat orang individu di Daerah Batu Pahat, Johor yang telah dilepaskan daripada status bankrap.

Majlis serahan ini telah diketuai oleh Puan Intan Idzadia Hidayah binti Ab. Hafidz, Ketua Cawangan bersama pegawai Mdl iaitu Puan Azizah binti Hasan, Cik Noriza binti Che Hamid, dan Puan Siti Zulaikha binti Mohd Zaini.

Program ini melambangkan komitmen Mdl dalam melaksanakan Dasar Peluang Kedua, memberi peluang kepada individu bankrap untuk memulakan kehidupan baharu serta kembali menyumbang kepada masyarakat dan negara.



RangkumanAktiviti

MdlNegeriSembilan

24 April 2025 | Mdl Negeri Sembilan telah menyertai Program ROS_CARE Siri 2/2025 bertempat di Dewan KRS, Taman Warisan Puteri, Sikamat, Seremban.

Taklimat berkaitan pengenalan kepada pertubuhan yang dibatalkan pendaftarannya telah disampaikan oleh En. Deddy Iskandar bin Ahmad Mizan, Pegawai Insolvensi Kanan I. Program turut dihadiri oleh Tuan Noor Azfar Akmal bin Bahara, Pengarah ROS Negeri Sembilan.

Sesi ini memberi pendedahan berhubung implikasi pembatalan pendaftaran pertubuhan dan peranan Mdl dalam pentadbiran kes berkaitan, selain mengukuhkan kerjasama strategik bersama pihak ROS.



RangkumanAktiviti

MdlCawanganKotaKinabalu



16 April 2025 | Mdl Cawangan Kota Kinabalu, Sabah telah menyertai Sesi Bual Bicara anjuran AKPK dan Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah bertempat di Shangri-La Tanjung Aru Resort, Kota Kinabalu.

Seminar bertajuk "Smart Financial Management for Future Security" ini menekankan kesejahteraan kewangan dan pengurusan bijak masa depan. Mdl Cawangan Kota Kinabalu diwakili oleh Puan Jolita Ijom, Pegawai Insolvensi Kanan I selaku ahli panel. Program ini dihadiri seramai 100 orang peserta terdiri daripada penjawat awam Kerajaan Negeri Sabah.

RangkumanAktiviti

MdlCawanganKotaKinabalu



14 April 2025 | Mdl Cawangan Kota Kinabalu, Sabah telah mengadakan sesi libat urus bersama Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Sesi ini bertujuan memperkukuh kerjasama strategik antara Mdl dan SSM dalam perkongsian maklumat serta pementapan pengurusan kes berkaitan kebangkrutan dan penggulangan syarikat di negeri Sabah.

Rangkuman Aktiviti

Mdl Kelantan

15 April 2025 | Mdl Kelantan telah menyertai Program Cakna Poket dan Cakna Emosi 2.0 bertempat di Auditorium Rafflesia, Hospital Sultan Ismail Petra, Kuala Krai.

Sesi ceramah bertajuk "Bicara Bersama Insolvensi" telah disampaikan oleh Tuan Mohd Izzuddin bin Mohd Shukri, Pengarah Insolvensi Negeri.

Ceramah memberi pendedahan berkaitan pengenalan mengenai insolvensi, kesedaran pengurusan kewangan serta implikasi kebangkrapan dalam kalangan masyarakat.



15 April 2025 | Mdl Kelantan telah membuka booth pameran sempena Program Cakna Poket dan Cakna Emosi 2.0 yang dianjurkan dengan kerjasama HSIP, HRPZ II, HTM dan HPM bertempat di perkarangan Ruang Legar Hospital Sultan Ismail Petra, Kuala Krai.

Pameran ini telah disertai seramai 180 orang pengunjung, dengan penyertaan pegawai Mdl iaitu Puan Hasliza binti Hussin, Puan Aida Shereena binti Mat Salleh, Encik Tuan Mohd Shahril bin Noor dan Encik Nik Muhammad Hanif Haqimi bin Salleh.



RangkumanAktiviti

MdlTerengganu



20 April 2025 | Mdl Terengganu telah dijemput menyampaikan ceramah berkaitan "Kesedaran Mengenai Kebankrapan di Malaysia" kepada pegawai dan kakitangan Jabatan Audit Negara Negeri Terengganu bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Wisma Audit. Ceramah ini telah disampaikan oleh Puan Marhamah binti Usah @ Yusoff, Ketua Unit Kebankrapan Mdl Terengganu.

28 Mei 2025 | Mdl Terengganu telah menerima kunjungan hormat daripada pensyarah Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa (UniSZA).

Kunjungan ini disertai oleh Dr. Hartinie binti Abd Aziz, Pensyarah Kanan Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa UniSZA serta Dr. Norizan binti Remli, Pensyarah UniSZA.



RangkumanAktiviti

MdlCawanganKuantan



22 April 2025 | Mdl Cawangan Kuantan telah dijemput untuk memberi ceramah sempena Program Keselamatan dan Pencegahan Jenayah anjuran Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) Negeri Pahang bertempat di Dewan Seminar JPPM Negeri Pahang.

Ceramah bertajuk "Kesan dan Akibat daripada Perintah Kebankrapan" telah disampaikan oleh Puan Nur Najwa Aqilah binti Khairul Anuar, Penolong Pengarah Insolvensi Negeri.

Program ini melibatkan 40 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan JPPM Negeri Pahang dan AJK persatuan-persatuan berdaftar negeri tersebut.



RangkumanAktiviti

MdlCawanganTemerloh



5 Mei 2025 | Mdl Cawangan Temerloh telah menerima kunjungan hormat daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Daerah Temerloh bagi membincangkan kerjasama dan pelaksanaan Data Matching.

Pertemuan ini turut dihadiri oleh Puan Nor Hazalifa binti Zakaria (Ketua Cawangan Mdl Temerloh) bersama pegawai-pegawai Mdl iaitu Puan Nurdiyana binti Abdullah dan Puan Safridatul Aina binti Sahimi. Sementara itu, pihak SSM diwakili oleh En. Adnan bin Hj Omar (Ketua Cawangan SSM Daerah Temerloh).

Perbincangan juga merangkumi kerjasama dalam Program Tahunan Bicara Korporat SSM Daerah Temerloh, sekaligus memperkukuh hubungan strategik antara Mdl dan SSM di peringkat daerah.



RangkumanAktiviti

MdlCawanganTaiping



6 Mei 2025 | Mdl Cawangan Taiping telah menganjurkan Program Mdl Prihatin Jabatan Insolvensi Cawangan Taiping bertempat di Ruang Guna Sama (Lobi), Wisma Persekutuan Taiping.

Program ini telah menarik minat seramai 100 orang pengunjung yang terdiri daripada penjawat awam bertugas di Wisma Persekutuan serta pelanggan yang hadir, untuk mendapatkan maklumat berkaitan Jabatan Insolvensi Malaysia.

13 Mei 2025 | Mdl Cawangan Taiping telah membuka reruai sempena Program Klinik Guaman anjuran Jabatan Bantuan Guaman (JBG) Taiping yang berlangsung di Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Cawangan Taiping.



RangkumanAktiviti

MdlCawanganSibu

18 Jun 2025 (Rabu) | Mdl Cawangan Sibu telah membuka reruai sempena Program #ros_care anjuran Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) Negeri Sarawak yang berlangsung di Kingwood Hotel, Sibu.



Pembukaan reruai ini telah menarik seramai 70 orang pengunjung, dengan 20 khidmat nasihat diberikan berhubung peranan Jabatan Insolvensi Malaysia terhadap pertubuhan yang dibatalkan serta pertanyaan am daripada orang ramai.



26 Jun 2025 (Khamis) | Mdl Cawangan Sibu telah dijemput memberi taklimat dalam program anjuran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Cawangan Sibu, Sarawak.

Taklimat bertajuk "Kebankrapan: Peranan Jabatan Insolvensi Malaysia" telah disampaikan oleh Puan Norhadizah binti Hassan, Pegawai Insolvensi.



RangkumanAktiviti

MdlCawanganTawau



28-29 Jun 2025 | Mdl Cawangan Tawau telah menyertai Program 30 Tahun Regatta Lepa 2025 dengan membuka reruai pameran yang disambut meriah oleh masyarakat setempat. Program ini berjaya menarik perhatian pelbagai lapisan pengunjung termasuk golongan belia, penjawat awam, usahawan serta pelancong tempatan.

Penyertaan Mdl dalam program ini merupakan sebahagian daripada usaha outreach jabatan bagi mendekati komuniti luar bandar, memberi pendedahan mengenai fungsi utama Mdl serta meningkatkan kesedaran awam berhubung isu kebangkrapan dan penggulungan syarikat.

Reruai Mdl turut menerima kunjungan tetamu kehormat, YB Datuk Hj. Nizam Abu Bakar Titingan, Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri Sabah.



RangkumanAktiviti

MdlPerlis



01 Jun 2025 | Mdl Perlis telah menganjurkan Kursus Pengurusan Stress melibatkan semua warga kerja. Ceramah disampaikan oleh Dr. Muhammad Khairul Anuar bin Kamaruddin, Pegawai Psikologi, JPM.


Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran dan memberi teknik praktikal dalam mengurus tekanan di tempat kerja bagi mewujudkan suasana kerja yang sihat dan produktif.

11 Jun 2025 | Mdl Negeri Perlis telah menerima kunjungan hormat daripada Jabatan Bantuan Guaman Negeri Perlis yang diketuai oleh Pengarah, Puan Alia Suzila binti Chek Pi bersama dua orang pegawai. Kunjungan ini disambut oleh Ketua Cawangan Mdl Perlis, Encik Anuar Bin Ahmad serta seluruh warga kerja Mdl Perlis.



Statistik Pelepasan Kebankrapan

STATISTIK PELEPASAN KEBANKRAPAN MELALUI SIJIL KETUA PENGARAH INSOLVENSİ BAGI TAHUN 2025 (APRIL - JUN)



PELEPASAN DI BAWAH DASAR PELUANG KEDUA (DPK) MAC TAHUN 2023 HINGGA JUN 2025



Pencapaian

187,652



E-BULETIN

INSOLVENSIA

Diterbitkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Jabatan Insolvensi Malaysia